

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HHT 302 Seni Lukis Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab TIGA (3) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

1. "...kegiatan seni lukis moden sesungguhnya adalah merupakan sejenis aktiviti yang baru di Malaysia, suatu yang mempunyai dan yang menentukan sejarahnya sendiri (self-defining history). Konteks untuknya mengutamakan perhubungan dengan suatu tradisi antarabangsa dan bukan dengan suatu tradisi tempatan yang ditentukan oleh sejarah."

Sabapathy & Piyadasa
dalam Prakata kepada
"Modern Artists of Malaysia"
DBP, K.L., 1983. m.s.vii.

Begitulah salah satu daripada tiga pendekatan yang dikemukakan oleh Sabapathy dan Piyadasa, untuk dipertimbangkan dalam memahami kegiatan seni lukis moden di Malaysia. Bincangkan pendekatan ini.

2. Bincangkan bagaimana "pengalaman kolonialisme Inggeris" berkaitan dengan perkembangan seni lukis moden di Malaysia.

.../2

3. Pada pendapat Adolfo Sanchez Vasquez, salah satu sebab kenapa perhubungan di antara seni lukis dan masyarakat tidak boleh dinafikan ialah kerana sesebuah karya seni itu "menyentuh" manusia lain, dari segi ianya "menyumbang kepada pengesahan atau penafian idea-idea, cita-cita, atau nilai-nilai" - ianya merupakan suatu desakan sosial yang mempengaruhi manusia menerusi kuasa emosional atau ideologikal (Art and Society, Monthly Review, N.Y., 1973, m.s.112-113).

Pada pendapat anda, bagaimanakah seni lukis moden di Malaysia "menyumbang kepada pengesahan atau penafian idea-idea, cita-cita, atau nilai-nilai"?

4. Pada pendapat anda, bagaimanakah seni lukis moden di Malaysia boleh dianggap sebagai "seni taraf atas" (high-art)? Bagaimanakah ianya dibezakan daripada kegiatan-kegiatan "seni taraf bawah" (low art) dalam masyarakat moden Malaysia?
5. "Kajian tentang masalah-masalah utama berhubungan dengan pernyataan artistik dalam masyarakat tradisional yang ditimpa oleh budaya-budaya industri moden, hanya boleh memberi manfaat jika kita menganggap pertembungan di antara tradisionalisme dan kemodenan sebagai sebahagian daripada suatu sintesis yang baru bermula. Ini adalah lebih bermakna daripada kajian yang melihat keadaan dari segi dua jenis sikap yakni sikap Barat dan sikap Timur, yang pada dasarnya bercanggah dan tidak langsung mempunyai kaitan."

Berikan fahaman anda tentang pernyataan di atas yang disuarakan oleh Mulk Raj Anand (Mikel Dufrenne, "Art in the Third World", dalam The Three Faces of Art, disusun oleh Cirici & Gopinathan, Unesco, Singapore, 1977, m.s.103).

6. Bagaimanakah Balai Seni Lukis Negara menyumbang kepada "nilai" dan "keunggulan" seni lukis moden di Malaysia?